

Analisis Retorik Surah Yusuf: Prinsip Komunikasi Kepimpinan Nabi Yusuf untuk Aplikasi Masa Kini

ZULHAZMI MAJID*
AZLINA KAMARUDDIN
JOYCE CHEAH LYNN-SZE
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis retorik komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf A.S. berdasarkan prinsip-prinsip *ethos*, *pathos* dan *logos* seperti yang digariskan dalam teori retorik Aristotle. Melalui pendekatan analisis kandungan teks, kajian ini meneliti bagaimana komunikasi Nabi Yusuf yang digambarkan dalam Surah Yusuf dapat diterapkan dalam konteks kepimpinan moden. Kajian ini mendapati bahawa Nabi Yusuf menggunakan prinsip *ethos* melalui kredibiliti yang tinggi, ditunjukkan melalui kejujuran, integriti dan sikap amanah yang menjadikan baginda dihormati dan dipercayai oleh masyarakat Mesir. Prinsip *pathos* pula diterapkan melalui pendekatan empati, kawalan emosi dan keupayaan untuk memaafkan saudara-saudaranya, yang berjaya menyatukan keluarganya dan memperkukuh hubungan interpersonal. Sementara itu, prinsip *logos* dapat dilihat melalui kebijaksanaan Nabi Yusuf dalam mentafsir mimpi raja Mesir, merangka strategi pengurusan ekonomi yang berkesan dan memastikan keadilan ditegakkan melalui keputusan yang berlandaskan logik dan bukti kukuh. Penemuan ini membuktikan bahawa keseimbangan antara *ethos*, *pathos* dan *logos* dalam komunikasi kepimpinan memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan, menyelesaikan konflik dan meningkatkan keberkesanan organisasi. Kajian ini turut menegaskan bahawa prinsip komunikasi Nabi Yusuf relevan untuk diaplikasikan oleh pemimpin moden bagi menghadapi cabaran komunikasi dan pengurusan yang semakin kompleks. Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting dalam memperkayakan teori kepimpinan Islam serta memberi panduan praktikal kepada pemimpin di pelbagai peringkat organisasi.

Kata kunci: *Retorik, komunikasi kepimpinan, surah Yusuf, kepimpinan Islam, tafsir pimpinan Ar-Rahman.*

Rhetorical Analysis of Surah Yusuf: Prophet Yusuf's Leadership Communication Principles for Contemporary Application

ABSTRACT

This study aims to analyse the rhetorical communication of Prophet Yusuf A.S. based on the principles of *ethos*, *pathos*, and *logos* as outlined in Aristotle's rhetorical theory. Through a textual content analysis approach, this study examines how Prophet Yusuf's communication, as depicted in Surah Yusuf, can be applied in the context of modern leadership. The study found that Prophet Yusuf applied the principle of *ethos* through his strong credibility, demonstrated by honesty, integrity, and trustworthiness, which earned him the respect and trust of the people of Egypt. The *pathos* principle was reflected in his empathetic approach, emotional control, and ability to forgive his brothers,

*Penulis koresponding: zulhazmimajidPHD2021@gmail.com

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4101-09>

Diterima: 1 Ogos 2023 | Diperakukan: 7 Februari 2024 | Diterbitkan: 30 Mac 2025

successfully reuniting his family and strengthening interpersonal relationships. Meanwhile, the logos principle was evident in Prophet Yusuf's wisdom in interpreting the Pharaoh's dream, devising an effective economic management strategy, and ensuring justice through decisions based on logic and solid evidence. These findings demonstrate that balancing ethos, pathos, and logos in leadership communication plays a crucial role in building trust, resolving conflicts, and enhancing organisational effectiveness. This study also emphasises that Prophet Yusuf's communication principles are relevant for modern leaders to address increasingly complex communication and management challenges. The findings of this study are expected to serve as an important reference in enriching Islamic leadership theory and providing practical guidance for leaders at various organisational levels.

Keywords: *Rhetoric, leadership communication, surah Yusuf, Islamic leadership, tafsir pimpinan Ar-Rahman.*

PENGENALAN

Komunikasi kepimpinan merupakan elemen kritikal dalam konteks kepimpinan moden, khususnya dalam dunia organisasi yang semakin kompleks dan dinamik pada masa kini. Ia berperanan sebagai asas utama dalam menyampaikan maklumat mengenai budaya, nilai teras, misi serta mesej yang mampu membina kepercayaan dan mewujudkan hubungan yang harmoni dalam masyarakat (Tourish, 2014). Dalam konteks kepimpinan organisasi, pemimpin harus memiliki kebolehan untuk menyampaikan visi dan arah tuju organisasi dengan jelas, tepat dan penuh keyakinan (Northouse, 2021). Keberkesanan komunikasi ini bukan sahaja membantu membina kepercayaan antara pemimpin dan pengikut tetapi juga berfungsi sebagai alat strategik untuk meningkatkan prestasi organisasi serta memupuk keharmonian dan kerjasama dalam kalangan semua pihak yang terlibat (Men, 2014). Sebaliknya, kegagalan komunikasi boleh membawa kepada kekeliruan, konflik dan akhirnya merosakkan struktur kerjasama dan keharmonian dalam organisasi (Hackman & Johnson, 2013). Justeru, kemahiran komunikasi yang berkesan menjadi semakin penting dalam dunia kepimpinan masa kini yang semakin kompleks dan mencabar.

Dalam konteks kepimpinan moden, pendekatan komunikasi yang berkesan menekankan elemen-elemen seperti kebolehan menyampaikan maklumat secara strategik, mewujudkan dialog dua hala dan menggalakkan keterlibatan pengikut. Pemimpin yang berkesan berupaya menggabungkan elemen komunikasi formal dan tidak formal untuk membentuk iklim organisasi yang positif (Fairhurst, 2011). Kepentingan komunikasi dalam kepimpinan telah lama dipersetujui oleh para penyelidik. Sebagai contoh, Northouse (2021) menekankan bahawa kepimpinan yang berkesan bergantung kepada keupayaan pemimpin untuk berkomunikasi dengan jelas, konsisten dan penuh keyakinan. Yukl dan Gardner (2020) turut menyokong pandangan ini, dengan menyatakan bahawa komunikasi yang berkesan bukan sahaja memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti keputusan yang dibuat oleh pemimpin tetapi juga dalam memperkukuh prestasi organisasi serta membina ketahanan dalam menghadapi cabaran. Kajian terdahulu turut menekankan bahawa pemimpin yang berkesan menggunakan pelbagai strategi komunikasi seperti komunikasi berasaskan naratif, komunikasi terbuka dan pendekatan empati untuk memastikan maklumat sampai kepada semua peringkat organisasi dengan berkesan (Men & Stacks, 2013).

Dalam kajian mengenai retorik kepimpinan, teori klasik Aristotle yang melibatkan *ethos* (kredibiliti), *pathos* (emosi) dan *logos* (logik) masih diaplikasikan untuk memahami cara pemimpin mempengaruhi pengikut mereka (Aristotle, terjemahan 2007). Pendekatan ini

turut disesuaikan dalam konteks kepemimpinan moden yakni pemimpin berupaya menggunakan kredibiliti peribadi, keupayaan menyentuh emosi serta penyampaian maklumat berasaskan fakta dan logik bagi meneguhkan pengaruh mereka (Hargie, 2021). Pemimpin yang berjaya menggabungkan elemen-elemen ini dalam strategi komunikasi mereka dapat membina kepercayaan yang lebih mendalam dan memastikan tindakan pengikut selari dengan visi dan misi organisasi.

Namun begitu, kajian mendalam mengenai komunikasi kepemimpinan dalam konteks Islam, terutamanya yang berkaitan dengan retorik komunikasi Nabi Yusuf A.S., masih terhad. Kisah Nabi Yusuf yang dirakam dalam Surah Yusuf menawarkan pelbagai contoh komunikasi kepemimpinan yang boleh diaplikasikan dalam kepemimpinan masa kini, khususnya dalam menguruskan konflik dan situasi krisis. Nabi Yusuf A.S. memaparkan pendekatan komunikasi yang berasaskan hikmah, kesabaran dan empati yang sesuai dijadikan panduan dalam konteks kepemimpinan moden (Mohd Hidayat et al., 2022). Walaupun banyak kajian telah meneliti aspek etika kepemimpinan dalam Islam seperti yang dinyatakan oleh Mohd Hidayat et al. (2022), kajian yang memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip retorik dalam komunikasi Nabi Yusuf A.S. masih kurang diterokai.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis retorik komunikasi Nabi Yusuf A.S. berdasarkan kandungan Surah Yusuf serta mengaitkannya dengan prinsip kepemimpinan yang relevan dalam konteks masa kini. Pendekatan analisis kandungan teks yang disokong oleh tafsir *Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*, akan digunakan untuk meneliti bagaimana Nabi Yusuf menggunakan strategi komunikasi yang berkesan dalam situasi-situasi mencabar seperti interaksi dengan saudara-saudaranya, isteri Al-Aziz, rakan sepenjara dan raja Mesir. Kajian ini juga menilai bagaimana prinsip komunikasi yang berpaksikan kebijaksanaan, empati dan pendekatan etika tinggi yang digunakan oleh Nabi Yusuf boleh diaplikasikan dalam konteks kepemimpinan masa kini.

Kajian ini bukan sahaja penting untuk memberikan panduan kepada pemimpin masa kini mengenai bagaimana prinsip komunikasi Nabi Yusuf A.S. boleh diaplikasikan dalam organisasi tetapi juga berpotensi untuk menyumbang kepada teori kepemimpinan Islam dengan menekankan peranan komunikasi yang beretika, rasional dan penuh empati dalam menghadapi cabaran kepemimpinan yang semakin kompleks. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pemimpin di pelbagai peringkat organisasi, dari skala kecil hingga besar dalam mengatasi cabaran komunikasi yang dihadapi dalam dunia kepemimpinan masa kini.

SOROTAN LITERATUR

a. *Kepentingan Komunikasi dalam Kepimpinan*

Komunikasi yang berkesan merupakan elemen penting dalam kepemimpinan moden, khususnya dalam organisasi yang beroperasi dalam persekitaran yang dinamik dan kompleks (Tourish, 2014). Northouse (2021) menekankan bahawa komunikasi yang jelas dan konsisten bukan sahaja membolehkan pemimpin menyampaikan visi dan matlamat dengan berkesan tetapi juga membina kepercayaan dan kerjasama antara pemimpin dan pengikut. Keupayaan seorang pemimpin untuk menggabungkan kredibiliti (*ethos*), emosi (*pathos*) dan logik (*logos*) dalam komunikasi adalah penting bagi memastikan mesej yang disampaikan diterima dan difahami dengan baik. Gabungan elemen-elemen retorik ini membolehkan pemimpin mempengaruhi tingkah laku dan keputusan pengikut mereka.

Pandangan ini disokong oleh Yukl dan Gardner (2020) yang menegaskan bahawa komunikasi yang berkesan memperkukuh hubungan antara pemimpin dan pengikut serta meningkatkan kualiti keputusan yang dibuat. Pemimpin yang berjaya mampu menyesuaikan mesej mereka dengan keadaan emosi pengikut dan menggunakan logik untuk menyokong hujah mereka. Ini penting dalam memastikan pengikut memahami rasional di sebalik keputusan yang diambil oleh pemimpin dan mendorong tindakan yang sejajar dengan matlamat organisasi.

Dalam konteks kepimpinan moden, pemimpin berkesan menggunakan strategi komunikasi yang bersifat interaktif dan menyesuaikan gaya komunikasi mereka mengikut tahap emosi, rasional dan kredibiliti yang sesuai dengan keadaan pengikut (De Lange & Mulder, 2022). Komunikasi dua hala yang berteraskan kepercayaan dan keterbukaan terbukti meningkatkan motivasi dan kepercayaan pengikut terhadap pemimpin.

Hargie (2021) turut menambah bahawa komunikasi strategik adalah elemen yang penting dalam kepimpinan moden. Dalam konteks organisasi yang semakin global dan kompleks, pemimpin bukan sahaja perlu menyampaikan mesej dengan jelas tetapi juga perlu memilih masa dan cara penyampaian yang sesuai. Pemimpin yang berjaya mengintegrasikan elemen-elemen *ethos*, *pathos* dan *logos* dalam komunikasi mereka cenderung membina hubungan yang lebih kukuh dan bertahan lama dengan pengikut mereka. Ini adalah kunci dalam memupuk kepercayaan dan memastikan tindakan pengikut sejajar dengan matlamat organisasi.

Siti Ruzana et al. (2020) menegaskan bahawa pendekatan komunikasi kepimpinan dalam gerakan dakwah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sangat berkesan dalam membina kepercayaan dan pengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini mendapati bahawa pemimpin-pemimpin ABIM menggunakan komunikasi kepimpinan secara strategik untuk menyampaikan dakwah dan meningkatkan kesedaran Islam. Pendekatan ini tidak hanya terhad kepada ucapan dan penulisan tetapi juga melibatkan gaya komunikasi yang mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tindakan pengikut untuk mencapai matlamat organisasi yang lebih besar.

b. *Teori Retorik Aristotle*

Teori retorik Aristotle yang merangkumi *ethos*, *pathos* dan *logos* masih kekal sesuai dalam analisis komunikasi kepimpinan. Hargie (2021) menegaskan bahawa pemimpin yang mahir menggunakan ketiga-tiga elemen ini mampu membina pengaruh yang kuat terhadap pengikut mereka. *Ethos* atau kredibiliti pemimpin menjadi faktor utama yang mendorong pengikut untuk mempercayai dan mengikuti arahan yang diberikan. Di samping itu, *pathos* iaitu keupayaan pemimpin untuk menggerakkan emosi pengikut, membolehkan mereka memberi dorongan yang lebih mendalam dan mengajak pengikut bertindak dengan komitmen yang tinggi. Manakala *logos* pula, merujuk kepada keupayaan pemimpin untuk menyampaikan hujah berasaskan fakta dan logik yang membantu meyakinkan pengikut yang mengutamakan pemikiran rasional.

Dalam konteks tempatan, kajian Nordiana et al. (2023) menunjukkan bahawa prinsip-prinsip retorik Aristotle dapat diterapkan dalam kepimpinan watak Sultan Alauddin Riayat Syah dalam karya *Nama Beta Sultan Alauddin* oleh Faisal Tehrani. Kajian ini menemukan bahawa *ethos* Sultan Alauddin, yang merangkumi keperibadiannya yang kuat dan kredibiliti sebagai seorang pemimpin dapat dilihat melalui hubungan eratnya dengan rakyat dan para

menteri. Manakala *pathos* terserlah dalam cara Sultan Alauddin mengendalikan emosi dalam situasi-situasi penting seperti sewaktu kematian Bendahara Tun Perak, di mana baginda memperlihatkan empati dan kesedihan sekali gus memperkukuhkan hubungan baginda dengan rakyat dan menterinya. *Logos* pula ditonjolkan melalui kebijakan Sultan dalam membuat keputusan yang bijak berdasarkan prinsip-prinsip agama, seperti ketika baginda melaksanakan undang-undang hudud untuk memastikan keadilan ditegakkan.

Selain itu, Azlina (2017) dalam kajiannya mengenai kegagalan komunikasi pembujukan turut menegaskan bahawa *ethos* atau kredibiliti pemimpin memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan keberkesanan pengucapan awam. Kekurangan keyakinan diri dan kredibiliti merupakan antara faktor utama yang menyebabkan mesej pembujukan gagal mencapai matlamat. Pemimpin yang tidak menonjolkan *ethos* yang kuat berisiko kehilangan keyakinan pengikut menjadikan komunikasi mereka kurang berkesan. Dalam pada itu, *pathos* juga penting dalam membina hubungan emosi antara pemimpin dan pengikut dengan penggunaan bahasa dan wajah yang sesuai memainkan peranan utama dalam menyampaikan perasaan yang sejajar dengan mesej yang disampaikan. Azlina (2017) turut menegaskan bahawa *logos* atau penggunaan hujah yang logik dan tersusun, amat penting bagi memastikan mesej diterima secara rasional oleh pendengar. Tanpa *logos* mesej pembujukan sering kali gagal kerana ia tidak memberikan asas rasional yang kukuh bagi audiens untuk memahami dan menyokong mesej tersebut. Oleh itu, keseimbangan antara *ethos*, *pathos* dan *logos* adalah kunci untuk mencapai komunikasi yang berkesan dalam pengucapan awam, dan kegagalan dalam mana-mana elemen ini boleh mengakibatkan mesej tidak diterima dengan baik atau dipandang remeh.

Seterusnya, kajian Samri (2022) memperkukuhkan lagi kepentingan ketiga-tiga elemen retorik ini dalam konteks ceramah agama. Kajian ini memberikan perspektif yang mendalam mengenai bagaimana *ethos*, *pathos* dan *logos* diaplikasikan dengan cemerlang oleh Ustaz Kazim Elias dalam ceramahnya. *Ethos* penceramah diperkukuhkan melalui penggunaan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama penghujahan, yang menjadikan kredibiliti baginda lebih mantap di mata audiens sebagai seorang yang berkuasa dalam bidang agama. Dari sudut *pathos*, Ustaz Kazim menggunakan naratif yang santai namun sarat dengan mesej agama untuk mencetuskan emosi pengikut, sejajar dengan pandangan Aristotle bahawa emosi memainkan peranan penting dalam menggerakkan tindakan. Sementara itu, dari segi *logos*, ceramah Ustaz Kazim disokong dengan fakta logik yang kukuh, terutama melalui penjelasan ayat-ayat al-Quran yang diterjemahkan dengan jelas. Beliau juga bijak mengimbangi penggunaan logik dengan *humor* dan empati memastikan mesej yang disampaikan tidak kelihatan terlalu formal atau kaku. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa keseimbangan yang berkesan antara *ethos*, *pathos*, dan *logos* adalah kunci kejayaan dalam retorik penceramah seperti Ustaz Kazim Elias, yang berjaya meningkatkan keyakinan audiens dan mencipta hubungan yang lebih mendalam dengan mereka.

c. *Prinsip-Prinsip Komunikasi dalam Surah Yusuf*

Surah Yusuf mengandungi pelbagai pengajaran yang relevan mengenai bagaimana seorang pemimpin boleh memanfaatkan komunikasi yang bijaksana dan berkesan ketika menghadapi situasi mencabar. Dalam kisah Nabi Yusuf, prinsip komunikasi seperti *ethos*, *pathos* dan *logos*

ditonjolkan dengan jelas melalui tindakan baginda. *Ethos* merujuk kepada kredibiliti seseorang pemimpin dan dalam Surah Yusuf, kredibiliti Nabi Yusuf jelas ditunjukkan melalui sikap adil, amanah dan integritinya dalam mengurus ekonomi Mesir. Ketika menghadapi krisis kelaparan, Nabi Yusuf dilantik untuk mengurus sumber ekonomi negara kerana kebolehpercayaannya dalam membuat keputusan yang bijak.

Merujuk kepada Tafsir Ibnu Kathir dan Tafsir Al-Imam Fakhrudin Al-Razi memberi perspektif tambahan mengenai komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf A.S. Dalam Tafsir Ibnu Kathir, Nabi Yusuf digambarkan sebagai seorang pemimpin yang menggunakan pendekatan komunikasi berasaskan hikmah dan empati yang tinggi dalam menangani konflik keluarganya serta dalam mempengaruhi keputusan Raja Mesir. Sementara itu, Tafsir Al-Imam Fakruddin Al-Razi menonjolkan bahawa kemampuan Nabi Yusuf dalam menggunakan logik yang berasaskan fakta dan rasional membuktikan kebijaksanaannya sebagai pemimpin yang berkesan. Kajian Rojali (2023) turut menegaskan bahawa *ethos* yang kukuh dalam kepimpinan dapat membina kepercayaan mendalam antara pemimpin dan pengikut serta menjadi asas yang penting dalam hubungan kepimpinan yang berpanjangan (Rojali, 2023). Tambahan pula, kajian oleh Ndalamba et al. (2022) menunjukkan bahawa dalam persekitaran kepimpinan moden, *ethos* adalah penting dalam mengukuhkan kepimpinan berasaskan integriti yang semakin penting dalam menghadapi cabaran etika global.

Dari segi *pathos*, keupayaan Nabi Yusuf mengawal emosinya dan menggunakan empati ketika berhadapan dengan situasi-situasi sukar seperti pengkhianatan saudara-saudaranya, menonjolkan kestabilan emosinya. Ini dapat dilihat apabila baginda memilih untuk memaafkan saudara-saudaranya yang akhirnya menyatukan kembali keluarganya dan mempromosikan keharmonian sosial. Menurut kajian Bdoor dan Nuseirat (2024), pemimpin yang mengaplikasikan *pathos* dengan berkesan mampu membina hubungan yang lebih kukuh dan merapatkan jurang antara pemimpin dan pengikut, sekali gus menyelesaikan konflik secara harmoni. Elemen *pathos* ini membuktikan bahawa kestabilan emosi dan empati memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perubahan sikap dan tingkah laku pengikut.

Seterusnya dari segi *logos*, kebijaksanaan dan pemikiran logik Nabi Yusuf dapat dilihat dalam perancangan strateginya ketika menghadapi krisis kelaparan. Baginda menggunakan pendekatan yang berasaskan bukti dan data dalam mengurus sumber negara, yang kemudiannya diterima oleh pihak berkuasa Mesir. Kajian Ariqoh et al. (2022) menegaskan bahawa penggunaan *logos* atau logik dalam membuat keputusan adalah kritikal bagi kepimpinan berkesan, terutamanya dalam mengatasi krisis dan merangka strategi yang panjang. Penggunaan logik ini memastikan bahawa keputusan yang dibuat adalah berdasarkan fakta yang membina kepercayaan dan keyakinan pengikut.

Secara keseluruhannya, prinsip komunikasi *ethos*, *pathos*, dan *logos* yang ditonjolkan oleh Nabi Yusuf A.S. membuktikan kesesuaiannya dalam konteks kepimpinan hari ini, khususnya dalam kepimpinan Islam. Kajian-kajian terdahulu menyokong bahawa elemen-elemen retorik ini memainkan peranan penting dalam membina kredibiliti, mempengaruhi emosi dan memperkukuh keputusan logik dalam kepimpinan yang berkesan. Walaupun terdapat banyak kajian mengenai aspek-aspek ini dalam konteks umum kepimpinan, kajian yang mendalami aplikasi prinsip-prinsip retorik ini melalui lensa Surah Yusuf masih terhad. Justeru, kajian ini memberikan sumbangan yang penting dalam memperkayakan teori komunikasi kepimpinan dalam konteks organisasi masa kini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis deskriptif yang diperolehi melalui kajian mendalam terhadap kandungan teks. Tumpuan kajian ini adalah pada prinsip-prinsip komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf yang digambarkan dalam Surah Yusuf, tanpa melibatkan penggunaan data kuantitatif atau statistik (Muhammad Zafran et al., 2022; Nazra dan Abdul Latiff, 2022; Nordiana et al., 2023). Melalui analisis kandungan, penyelidik dapat mengupas secara terperinci corak komunikasi dan maklumat yang disampaikan, sekali gus memberikan gambaran yang lebih mendalam mengenai topik yang dikaji (Muhammad Adnan & Nor Hajar, 2024).

Dalam kajian ini, proses analisis kandungan dilaksanakan melalui beberapa peringkat yang jelas dan sistematik. Pertama, teks Surah Yusuf dianalisis secara berulang kali untuk mengenal pasti tema utama berkaitan komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf. Kedua, tema-tema ini diklasifikasikan berdasarkan prinsip retorik *ethos* (kredibiliti), *pathos* (emosi) dan *logos* (logik). Ketiga, tafsir yang lebih pelbagai seperti Tafsir Al—Muyassar dan Tafsir Ibnu Kathir turut dirujuk untuk memastikan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap maksud ayat-ayat berkenaan. Keempat, konteks sejarah dan sosial yang melatari kisah Nabi Yusuf turut diteliti untuk memahami latar belakang yang mempengaruhi tindakan dan komunikasi baginda. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memastikan analisis yang dilakukan bersifat holistik dan tepat.

Kajian ini terfokus kepada interpretasi komunikasi Nabi Yusuf dalam situasi-situasi utama yang dinyatakan dalam Surah Yusuf termasuk komunikasi baginda dengan saudara-saudaranya, isteri Al-Aziz, rakan-rakan sepenjara, dan raja Mesir. Sebagai rujukan utama, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran* digunakan untuk memahami konteks dan makna ayat-ayat yang sesuai. Bagi memastikan ketepatan maklumat, penemuan kajian disokong dengan maklumat tambahan daripada sumber sejarah seperti buku “Qasas AL-Anbiya” oleh Ibn Kathir untuk memahami konteks sosial dan budaya pada zaman Nabi Yusuf.

Kajian ini memberi perhatian kepada penggunaan strategi komunikasi Nabi Yusuf yang berkesan berdasarkan prinsip retorik *ethos* (kredibiliti), *pathos* (emosi), dan *logos* (logik), serta bagaimana prinsip-prinsip ini diterapkan dalam kepimpinan yang berlandaskan nilai-nilai Islam yang masih sesuai dalam konteks kepimpinan masa kini.

Menurut Zaim et al. (2022), prinsip kepimpinan Islam yang diamalkan oleh Nabi Yusuf seperti amanah, kejujuran dan integriti, mampu meningkatkan prestasi kerja dalam industri perkhidmatan dengan membina kepercayaan serta memperkukuh hubungan kerjasama. Abu dan Gazi (2020) pula menegaskan bahawa kepimpinan Islam mengutamakan kredibiliti (*ethos*) dan kebijaksanaan (*logos*) dalam membuat keputusan, terutamanya melalui pendekatan berasaskan data dan analisis sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Yusuf ketika merancang strategi ekonomi untuk menghadapi krisis kelaparan. Selain itu, *pathos*, yang merujuk kepada empati dan kawalan emosi, juga terserlah dalam komunikasi Nabi Yusuf dengan saudara-saudaranya. Ini menunjukkan bagaimana seorang pemimpin Islam yang berkesan perlu menguasai kemahiran mengurus emosi untuk menyelesaikan konflik dan membina hubungan yang lebih baik. Kajian-kajian ini mengukuhkan pandangan bahawa nilai-nilai kepimpinan Nabi Yusuf yang berlandaskan *ethos*, *logos*, dan *pathos* kekal sesuai dan

dapat diaplikasikan dalam pengurusan masa kini untuk menghadapi cabaran komunikasi dan kepimpinan yang semakin mencabar.

Logos, merujuk kepada kebijaksanaan dan penggunaan logik dalam penyampaian mesej. Nabi Yusuf mengaplikasikan *logos* secara berkesan dalam perancangan ekonominya untuk mengatasi krisis kelaparan di Mesir. Dalam ucapannya, Nabi Yusuf menggunakan fakta dan analisis logik untuk membina strategi yang diterima oleh Raja Mesir yang menekankan pentingnya bukti dan rasionalisasi dalam membuat keputusan yang jelas dan bermaklumat. Hal ini selari dengan kajian Zamri dan Aini (2021) yang menekankan bahawa *logos* dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat menonjolkan penghujahan berdasarkan fakta dan kebenaran, menggunakan pengetahuan yang mendalam serta perbandingan yang logik untuk meyakinkan khalayak. Ini mengukuhkan kepimpinan berasaskan logik dan kebijaksanaan, yang juga penting dalam konteks kepimpinan moden.

Pathos pula melibatkan keupayaan untuk menggunakan emosi dalam komunikasi. Nabi Yusuf menunjukkan kawalan emosi yang baik dalam hubungannya dengan saudara-saudaranya, walaupun mereka pernah mengkhianatinya. Empati dan keupayaan untuk menyentuh hati mereka adalah bukti bagaimana *pathos* boleh digunakan untuk mencetuskan *respons* emosi yang positif serta menyelesaikan konflik secara damai. Zamri dan Aini (2021) juga mengkaji bahawa dalam dakwah, Nik Abdul Aziz menggunakan analogi dan bahasa yang mempengaruhi emosi khalayak, membangkitkan rasa simpati, harapan, dan kasih sayang untuk memastikan mesej sampai dengan lebih berkesan.

Secara keseluruhannya, Teori Retorik Aristotle yang menggabungkan *ethos*, *logos*, dan *pathos*, memberikan pandangan mendalam mengenai komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf, di mana baginda menggunakan kredibiliti moral, logik yang kukuh dan empati emosi untuk memimpin dengan berkesan. Kajian Abu dan Gazi (2020) menyokong pandangan bahawa prinsip-prinsip seperti amanah, kejujuran dan analisis rasional yang diterapkan dalam kepimpinan Islam memainkan peranan penting dalam memajukan organisasi dan membina hubungan yang kukuh (Zaim et al., 2022). Hal ini turut diperkukuhkan dalam kajian Nurul dan Zulkefli (2021) yang menegaskan penggunaan *logos* dan *pathos* dalam dakwah serta kepimpinan, di mana emosi yang dikuasai dengan baik dapat membina hubungan yang lebih harmoni dan menyelesaikan konflik dengan efektif. Pendekatan ini kekal relevan dalam amalan kepimpinan hari ini, terutamanya dalam menghadapi cabaran komunikasi dan pengurusan dalam organisasi yang semakin dinamik dan mencabar.

Surah Yusuf yang dianalisis dalam kajian ini menjelaskan kisah biografi Nabi Yusuf A.S. seperti yang diterjemahkan dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Terjemahan ini, yang dicetak semula beberapa kali dan terakhir pada tahun 2013, mendapat sambutan hangat dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia kerana penggunaan bahasa yang ringkas dan mudah difahami (Nasimah Abdullah, 2017). Kisah dalam surah ini menonjolkan sifat-sifat kepimpinan Nabi Yusuf, termasuk kebijaksanaan, kesabaran, dan ketabahan dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup dikhianati oleh saudara-saudaranya, godaan dan pemenjaraan. Dalam tafsir tersebut, Nabi Yusuf dipaparkan bukan hanya sebagai pemimpin bijaksana tetapi juga sebagai contoh pemimpin ideal sepanjang zaman. Keupayaan Nabi Yusuf berkomunikasi dengan bijaksana dan penuh kelembutan menunjukkan kekuatannya dalam mempengaruhi orang lain melalui komunikasi yang berkesan suatu kualiti penting dalam kepimpinan. Nilai-nilai ini menjadikan Nabi Yusuf sebagai model pemimpin

yang sesuai dengan kebijaksanaannya yang dapat diaplikasikan dalam pelbagai konteks kepimpinan masa kini.

Dalam kajian ini, data dianalisis berdasarkan tiga kategori utama: *ethos*, *pathos* dan *logos*, selari dengan prinsip retorik Aristotle. Kesahan kajian ditentukan melalui sejauh mana kaedah pengumpulan data mampu menilai aspek-aspek yang sesuai dengan objektif kajian. Penjelasan dalam Surah Yusuf menunjukkan prinsip komunikasi melalui penceritaan yang menggabungkan kejujuran dan integriti (*ethos*), emosi dan simpati (*pathos*), serta logik dan kebijaksanaan (*logos*). Sebagai contoh, kejujuran dan kredibiliti Nabi Yusuf dalam menafsirkan mimpi memperlihatkan *ethos* yang tinggi, manakala *pathos* dapat dilihat melalui luahan kesedihan dan empati ayahnya iaitu Nabi Ya'qub terhadap kehilangan anaknya. *Logos* pula terserlah dalam hujah rasional Nabi Yusuf ketika memberi nasihat kepada raja bagi menangani krisis ekonomi dengan bijaksana. Kesahan kandungan kajian ini dapat diperkukuh dengan memastikan kaedah pengumpulan data berlandaskan prinsip komunikasi *ethos*, *pathos* dan *logos* seperti yang diterapkan dalam kisah Nabi Yusuf. Seperti yang dinyatakan dalam kajian Farah et al. (2022), elemen-elemen retorik ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh kandungan dan kebolehpercayaan analisis wacana kepimpinan. Kebolehpercayaan dicapai melalui analisis berulang, termasuk pembacaan teks secara mendalam serta pengelompokan hasil kajian berdasarkan kategori *ethos*, *pathos*, dan *logos* yang seiring dengan kisah Nabi Yusuf.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

a. *Analisis Ethos dalam Komunikasi Kepimpinan Nabi Yusuf A.S.*

Elemen *ethos* memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf A.S. *Ethos* merujuk kepada kredibiliti atau integriti seorang pemimpin dan dalam konteks kepimpinan Nabi Yusuf, kredibiliti ini terbina melalui akhlak yang mulia, kebijaksanaan dan keteguhan peribadi. Sepanjang kisahnya dalam Surah Yusuf, kita dapat melihat bagaimana Nabi Yusuf membina dan mengukuhkan *ethos* sebagai seorang pemimpin yang dipercayai dan dihormati, baik dalam kalangan ahli keluarganya, masyarakat Mesir, mahupun di istana raja.

Dan (setelah mendengar pengakuan perempuan-perempuan itu), raja berkata: “Bawalah Yusuf kepadaku, aku hendak menjadikan dia orang yang khas untuk aku bermesyuarat dengannya. Setelah (Yusuf di bawa mengadap, dan raja) berkata-kata dengannya (serta mengetahui kebijaksanaannya) berkatalah raja kepadanya: “Sesungguhnya engkau pada hari ini (wahai Yusuf), seorang yang berpangkat tinggi, lagi dipercayai di kalangan kami”.

(Surah Yusuf, 12:54)

Keputusan raja untuk melantik Nabi Yusuf sebagai orang kepercayaan merupakan bukti kukuh terhadap *ethos* yang dimiliki oleh baginda iaitu kebijaksanaan, kejujuran dan integriti. Ini membuktikan bahawa seorang pemimpin yang memiliki kredibiliti akan diberi amanah dan kepercayaan oleh masyarakat walaupun mereka berasal daripada latar belakang yang berbeza. Kredibiliti sebegini penting untuk memastikan kestabilan dan membina hubungan yang kukuh antara pemimpin dan masyarakat.

Kajian Cao (2023) turut menyoroti elemen ketelusan dalam komunikasi pemimpin yang mampu memperkukuhkan kepercayaan dan hubungan harmoni dalam sesebuah organisasi yakni prinsip ini seiring dengan tindakan Nabi Yusuf dalam membina kredibiliti baginda.

Menurut Burhan et al. (2023), kepimpinan yang beretika memainkan peranan penting dalam membina ketelusan dalam proses perniagaan serta meningkatkan keterlibatan pekerja yang secara tidak langsung memperkukuh keberkesanan organisasi. Prinsip-prinsip ini seiring dengan tindakan Nabi Yusuf yang menunjukkan integriti dan kejujuran dalam kepimpinannya. Baginda mengamalkan ketelusan dan kepercayaan dalam menguruskan ekonomi Mesir sepertimana ketelusan dalam perniagaan moden mampu membawa kejayaan kepada sesebuah organisasi.

Yusuf berkata: “Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan baik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya”.

(Surah Yusuf, 12:55)

Ethos Nabi Yusuf juga dapat dilihat dalam pengendalian dirinya ketika berhadapan dengan godaan dan fitnah. Sebagai seorang pemuda yang tampan, Nabi Yusuf menjadi sasaran godaan isteri pembesar Mesir, tetapi baginda menolak dengan tegas, mempertahankan maruah dan integriti dirinya. Meskipun dituduh secara tidak adil, Nabi Yusuf tetap memelihara kredibilitinya dan memilih untuk tidak berkompromi dengan nilai-nilai moralnya.

Yusuf (merayu kehadiran Allah Ta’ala dengan) berkata: “Wahai Tuhanku! Aku lebih suka kepada penjara dari apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya. Dan jika Engkau tidak menjauhkan daripadaku tipu daya mereka, mungkin aku akan cenderung kepada mereka, dan aku menjadi dari orang-orang yang tidak mengamalkan ilmunya”.

(Surah Yusuf, 12:33)

Dalam situasi yang sangat mencabar ini, Nabi Yusuf tetap teguh berpegang kepada prinsip kebenaran dan tidak tunduk kepada tekanan atau godaan. Sikap ini membuktikan bahawa seorang pemimpin yang beretika adalah seorang yang konsisten dalam memegang prinsip, walaupun terpaksa menghadapi kesusahan atau pengorbanan peribadi. Kejujuran, moral yang kukuh dan keupayaan untuk menolak ketidakadilan adalah aspek penting dalam pembinaan *ethos* seorang pemimpin yang dihormati.

Menurut Samah dan Don (2020), pemimpin dalam kepimpinan Islam menghadapi cabaran yang sama di mana faktor regresif dan defensif dalam integriti memainkan peranan penting. Seorang pemimpin Islam yang sejati perlu mempamerkan ketelusan dan kejujuran serta bersikap defensif terhadap sebarang bentuk korupsi dan ketidakadilan. Justeru, integriti dalam kepimpinan Islam melibatkan usaha yang berterusan untuk mengekalkan moral yang tinggi dan menolak sebarang bentuk tekanan yang boleh menggugat nilai-nilai asas kebenaran dan keadilan.

Yusuf berkata: “Kamu pada hari ini tidak akan ditemplak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dialah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani.

(Surah Yusuf, 12:92)

Tindakan ini mengukuhkan lagi kredibiliti baginda sebagai pemimpin yang adil, berjiwa besar dan penuh dengan belas kasihan. Pengampunan yang ditunjukkan oleh Nabi Yusuf dapat dilihat sebagai contoh *ethos* kepemimpinan yang kukuh, di mana integriti moral dan sifat belas kasihan memainkan peranan penting dalam memperkuat kepercayaan dan penghormatan terhadapnya sebagai pemimpin. Ini selari dengan konsep *ethos* yang menyatakan bahawa kredibiliti seseorang pemimpin terbangun melalui tindakan yang berlandaskan moral dan kebijaksanaan (Aisyah, 2022).

Secara keseluruhannya, penemuan ini menunjukkan bahawa prinsip *ethos* yang diamalkan oleh Nabi Yusuf dapat diterjemahkan dalam konteks kepemimpinan moden melalui penerapan nilai integriti, amanah dan ketelusan organisasi. Dalam era pengurusan masa kini, pemimpin yang menonjolkan ciri-ciri ini cenderung untuk lebih dihormati dan berupaya membina kepercayaan yang kukuh dalam kalangan pekerja serta pihak berkepentingan. Kajian Deavours dan Roberts (2024) menegaskan bahawa pemimpin yang mempraktikkan integriti tinggi dapat meningkatkan kepercayaan dalam organisasi dan memperkukuhkan hubungan interpersonal yang positif. Oleh itu, amalan *ethos* yang ditonjolkan oleh Nabi Yusuf turut memberi panduan yang relevan kepada pemimpin masa kini untuk membangunkan imej berwibawa dan dipercayai.

b. *Analisis Pathos dalam Komunikasi Kepimpinan Nabi Yusuf A.S.*

Analisis *pathos* dalam komunikasi kepemimpinan Nabi Yusuf A.S. merujuk kepada cara baginda menggunakan emosi dalam mempengaruhi dan membimbing orang lain. Kisah dalam Surah Yusuf memaparkan dengan jelas bagaimana empati dan belas kasihan dapat memperbaiki hubungan yang tegang terutamanya antara Nabi Yusuf dan saudara-saudaranya. Walaupun dikhianati dan dijual sebagai hamba oleh saudara-saudaranya, Nabi Yusuf tidak bertindak balas dengan dendam atau hukuman. Sebaliknya, baginda memilih untuk memaafkan mereka dan memberikan peluang kepada mereka untuk berubah.

Yusuf berkata: “Kamu pada hari ini tidak akan ditemplak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dialah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani.

(Surah Yusuf, 12:92)

Penemuan ini turut disokong oleh kajian Prantl et al. (2023) dengan penegasan bahawa pemimpin yang menunjukkan empati dan kawalan emosi cenderung lebih berkesan dalam membina kepercayaan serta mengurangkan ketegangan sosial. Selain itu, kajian Arriane (2023) mendapati bahawa pemimpin yang berempati lebih berjaya dalam menyelesaikan konflik dalaman organisasi dengan cara yang lebih harmoni.

Menurut Saha et al. (2023), pemimpin yang berkesan sering menggunakan kecerdasan emosi seperti empati dan pengampunan sebagai alat penting untuk membina hubungan *interpersonal* yang kuat dan mengurangkan ketegangan dalam organisasi. Penekanan terhadap kecerdasan emosi ini selaras dengan tindakan Nabi Yusuf, yang menggunakan pendekatan empati untuk menyatukan kembali keluarganya, sekali gus memastikan kedamaian sosial yang lebih meluas. Artikel tersebut turut menggariskan bagaimana penggunaan emosi positif mampu memperkukuh kepercayaan antara pemimpin dan pengikut, yang juga relevan dalam konteks kepimpinan Nabi Yusuf.

Satu lagi contoh penting adalah ketika Nabi Yusuf bertemu kembali dengan ibu bapa serta keluarganya selepas bertahun-tahun berpisah. Pertemuan ini dipenuhi dengan emosi kasih sayang dan rasa syukur. Baginda menerima mereka dengan penuh penghormatan:

Dan tatkala Yusuf menyediakan untuk mereka bekal mereka, berkatalah ia:
“(Pada kali yang lain) bawalah kepadaku saudara kamu yang sebapa. Tidakkah kamu melihat, bahawa aku menyempurnakan bekal makanan kamu, dan bahawa aku sebaik-baik penerima tetamu?”

(Surah Yusuf, 12:59)

Petikan ini menunjukkan kebijaksanaan emosi Nabi Yusuf A.S. dalam menjaga maruah saudara-saudaranya yang pernah mengkhianatinya. Walaupun baginda berada dalam kedudukan untuk menghukum atau membalas dendam, baginda tetap melayan mereka dengan penuh hormat dan empati. Ini menonjolkan kemahiran kepimpinan yang penting, di mana seorang pemimpin harus tahu bagaimana untuk menguruskan emosi orang lain dengan lembut dan tenang demi mencapai penyelesaian yang lebih harmoni (Pulungan et al., 2022). Keseluruhannya, komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf A.S. mempamerkan penggunaan *pathos* yang bijaksana dan berkesan. Baginda menggunakan emosi positif seperti kasih sayang, empati dan belas kasihan untuk mengurangkan ketegangan, memperbaiki hubungan, dan mendidik orang lain.

Keupayaan baginda untuk mengawal emosi peribadi dan memimpin dengan penuh hikmah serta kesantunan emosi adalah contoh teladan yang relevan untuk kepimpinan dalam mana-mana konteks, sama ada dalam keluarga, masyarakat atau organisasi (Anwar et al., 2020). Ini mengukuhkan pandangan bahawa pemimpin terbaik adalah mereka yang mampu menggabungkan rasionalisasi dengan emosi serta mendengar dan memahami perasaan orang di sekeliling mereka, sambil tetap memimpin dengan adil dan tegas.

Kesimpulannya, komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf A.S. adalah contoh penggunaan *pathos* yang bijaksana dan berkesan dalam memimpin. Baginda menggunakan emosi positif seperti kasih sayang, empati, dan belas kasihan untuk mengurangkan konflik, memperbaiki hubungan dan mendidik orang lain termasuk mereka yang pernah mengkhianatinya. Keupayaannya untuk mengawal emosi peribadi dan tetap memimpin dengan penuh kebijaksanaan menunjukkan kepentingan menggabungkan rasionaliti dan emosi dalam kepimpinan. Pemimpin yang berkesan, seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Yusuf mampu mendengar dan memahami perasaan orang di sekeliling mereka, dan pada masa yang sama memimpin dengan adil dan tegas (Anwar et al., 2020; Pulungan et al., 2022). Ini menonjolkan kombinasi antara rasionalisasi dan emosi adalah kunci dalam mencapai penyelesaian yang harmoni dan keberkesanan kepimpinan dalam pelbagai konteks.

c. *Analisis Logos dalam Komunikasi Kepimpinan Nabi Yusuf A.S.*

Prinsip *logos* juga memainkan peranan penting dalam komunikasi dan kepimpinan Nabi Yusuf A.S. *Logos* merujuk kepada penggunaan logik, rasionalisasi, dan fakta dalam mempengaruhi dan meyakinkan orang lain. Dalam kisah Nabi Yusuf, kita dapat melihat bagaimana baginda menggunakan pemikiran yang rasional, perancangan strategik dan bukti yang jelas untuk menyampaikan idea-idea dan memimpin dengan berkesan.

Penemuan ini turut seiring dengan kajian Hill (2020) yang mendapati bahawa pemimpin yang menggunakan bukti, data dan pemikiran logik dalam keputusan mereka lebih berjaya dalam menggalakkan pengikut mereka untuk menerima cadangan yang dikemukakan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan bukti amat penting dalam menangani cabaran organisasi yang kompleks.

Salah satu contoh paling jelas tentang penggunaan *logos* dalam kepimpinan Nabi Yusuf ialah ketika baginda mentafsirkan mimpi raja Mesir mengenai tujuh lembu gemuk dan tujuh lembu kurus, serta tujuh tangkai gandum hijau dan tujuh tangkai gandum kering. Tafsiran mimpi ini bukan sahaja berdasarkan kebijaksanaan rohani tetapi juga kepada logik dan rasionalisasi yang memerlukan pengetahuan mendalam tentang ekonomi dan pengurusan sumber. Nabi Yusuf bukan sahaja menjelaskan makna mimpi itu tetapi baginda juga mencadangkan satu pelan tindakan rasional dan strategik untuk menghadapi tujuh tahun kelaparan yang bakal melanda Mesir.

Yusuf menjawab: “Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan.

(Surah Yusuf, 12:47)

Di sini, Nabi Yusuf mengemukakan strategi ekonomi yang rasional iaitu menyimpan hasil pertanian sepanjang tahun-tahun yang subur untuk menghadapi tahun-tahun kebuluran yang akan datang. Pendekatan ini menunjukkan bahawa Nabi Yusuf bukan sahaja bergantung kepada kebolehan rohaninya tetapi juga kepada logik yang teratur dan perancangan yang teliti untuk menyelesaikan masalah negara. *Logos* dalam komunikasi ini memperlihatkan kebijaksanaan amalan seorang pemimpin yang memahami kepentingan perancangan jangka panjang, serta pengurusan sumber yang bijak untuk mengelakkan krisis (Muslimin, 2020).

Selain itu, penggunaan *logos* juga dapat dilihat dalam cara Nabi Yusuf menguruskan isu perbendaharaan Mesir ketika baginda dilantik sebagai pengurus sumber ekonomi negara. Setelah memenangi kepercayaan raja dan diamanahkan dengan tanggungjawab besar ini, Nabi Yusuf mengatur dengan rasional dan efisien bagaimana hasil bumi Mesir harus dikumpulkan, disimpan, dan diagihkan secara strategik kepada rakyat Mesir dan juga negara-negara sekitarnya yang menghadapi kebuluran. Penggunaan logik dan sistem pengurusan yang teratur ini membuktikan bahawa Nabi Yusuf adalah seorang pemimpin yang berfikir secara strategik, membuat keputusan berdasarkan data dan bukti, dan bukan sekadar mengandalkan emosi atau intuisi semata-mata.

Contoh lain di mana *logos* digunakan oleh Nabi Yusuf ialah ketika baginda menanggapi tuduhan pencurian yang dikenakan terhadap saudaranya, Bunyamin. Ketika saudara-saudaranya menyangka bahawa Bunyamin mencuri, Nabi Yusuf menggunakan strategi logik untuk menguji keikhlasan mereka. Baginda memeriksa karung-karung mereka dengan proses yang sistematik dan berhati-hati, membuktikan tuduhan tersebut secara berfakta dengan menemui cawan raja di dalam karung Bunyamin.

Maka Yusuf pun mulailah memeriksa tempat-tempat barang mereka sebelum memeriksa tempat barang saudara kandungnya (Bunyamin), kemudian ia mengeluarkan benda yang hilang itu dari tempat simpanan barang saudara kandungnya. Demikianlah Kami jayakan rancangan untuk (menyampaikan hajat) Yusuf. Tidaklah ia akan dapat mengambil saudara kandungnya menurut undang-undang raja, kecuali jika dikehendaki oleh Allah. (Dengan ilmu pengetahuan), Kami tinggikan pangkat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki; dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui.

(Surah Yusuf, 12:76)

Dalam peristiwa ini, Nabi Yusuf menggunakan taktik logik untuk menegakkan kebenaran dan memastikan bahawa tuduhan dibuat berdasarkan bukti yang jelas. Tindakan ini menggambarkan bahawa pemimpin yang bijak tidak akan bertindak secara sewenang-wenangnya tanpa bukti yang kukuh. Logik dan bukti adalah asas kepada keadilan dan kejujuran dalam kepimpinan Nabi Yusuf, di mana keputusan dibuat berlandaskan kepada fakta yang dapat disahkan bukannya andaian atau persepsi semata-mata.

Selain itu, Nabi Yusuf juga menggunakan pendekatan logik dalam situasi-situasi di mana baginda perlu membuat keputusan yang adil dan rasional. Ketika baginda dipanggil oleh raja untuk mentafsirkan mimpi, Nabi Yusuf terlebih dahulu memastikan bahawa keadilan ditegakkan terhadap dirinya. Baginda menuntut agar nama baiknya dibersihkan daripada tuduhan yang dibuat oleh isteri pembesar Mesir sebelum baginda bersetuju untuk menerima tawaran raja. Nabi Yusuf tidak tergesa-gesa untuk mengejar kedudukan atau kemuliaan, sebaliknya baginda menegaskan bahawa kejujuran dan kebenaran harus didahulukan.

Dan (apabila mendengar ta'bir itu) berkatalah raja Mesir: "Bawalah dia kepadaku!" Maka tatkala utusan raja datang kepada Yusuf (menjemputnya mengadap raja), Yusuf berkata kepadanya: "Kembalilah kepada tuanmu kemudian bertanyalah kepadanya: "Apa halnya perempuan-perempuan yang melukakan tangan mereka? Sesungguhnya Tuhanku Maha Mengetahui akan tipu daya mereka".

(Surah Yusuf, 12:50)

Keputusan Nabi Yusuf untuk tidak segera keluar dari penjara sehingga kebenaran mengenai fitnah tersebut dibuktikan adalah tindakan yang sangat rasional dan penuh pertimbangan. Ini memperlihatkan bagaimana *logos* digunakan oleh Nabi Yusuf untuk memastikan setiap keputusan dibuat berdasarkan keadilan dan fakta bukan berdasarkan

kepentingan peribadi atau dorongan emosi semata-mata. Tindakan ini mencerminkan bahawa kepimpinan yang baik adalah kepimpinan yang berasaskan kebenaran dan prinsip moral di mana setiap tindakan diambil setelah mempertimbangkan fakta dan bukti yang sahih.

Secara keseluruhannya, *logos* dalam komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf A.S. memperlihatkan bagaimana baginda menggunakan pemikiran rasional, fakta, dan bukti untuk membuat keputusan yang bijak dan adil. Sama ada dalam mentafsir mimpi, menguruskan sumber negara atau menangani tuduhan yang dilemparkan terhadapnya, Nabi Yusuf sentiasa memastikan bahawa keputusan-keputusan penting dibuat berdasarkan penilaian logik dan data yang kukuh. Inilah yang menjadikan Nabi Yusuf seorang pemimpin yang tidak hanya dihormati kerana integriti moralnya (*ethos*) dan empatinya (*pathos*) tetapi juga kerana kebijaksanaannya dalam membuat keputusan yang berlandaskan rasionalisasi dan keadilan.

KESIMPULAN

Kajian ini menganalisis retorik komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf A.S. berdasarkan prinsip *ethos*, *pathos* dan *logos* seperti yang digariskan dalam teori retorik Aristotle. Berdasarkan Surah Yusuf, komunikasi Nabi Yusuf tidak hanya berasaskan kebijaksanaan dan logik tetapi juga merangkumi empati, integriti serta kemampuan mengendalikan emosi yang menjadikannya seorang pemimpin yang unggul dan relevan sepanjang zaman. *Ethos*, merujuk kepada kredibiliti, ditunjukkan melalui akhlak mulia dan kejujuran Nabi Yusuf yang mana baginda memperoleh kepercayaan penuh daripada masyarakat Mesir serta pemimpin negara. *Pathos* yang menekankan aspek emosi, dapat dilihat dalam kemampuan Nabi Yusuf untuk mengendalikan hubungan dengan penuh kasih sayang dan pengampunan, terutamanya dalam berhadapan dengan saudara-saudaranya yang pernah mengkhianatinya. Sementara itu, *logos* iaitu pemikiran rasional dan penggunaan logik, diterapkan secara berkesan dalam pengurusan sumber ekonomi Mesir dan penyelesaian masalah melalui analisis yang teliti dan perancangan yang sistematik.

Kajian ini turut menunjukkan bahawa prinsip-prinsip komunikasi Nabi Yusuf yang berasaskan *ethos*, *pathos* dan *logos* saling melengkapi dalam membentuk kepimpinan yang berkesan. Keseimbangan antara ketiga-tiga elemen ini membolehkan Nabi Yusuf bukan sahaja mengendalikan krisis ekonomi dengan cemerlang tetapi juga menyelesaikan konflik keluarga dengan berhemah. Kombinasi ini memberikan asas yang kukuh dalam mengendalikan cabaran kepimpinan dalam konteks moden yang penuh ketidakpastian. Dengan menggabungkan kredibiliti moral, kebijaksanaan intelektual dan kemahiran empati, pemimpin masa kini dapat mencontohi strategi komunikasi Nabi Yusuf dalam membina organisasi yang stabil dan harmoni.

Pengajaran daripada komunikasi kepimpinan Nabi Yusuf A.S. memberikan panduan yang penting bagi pemimpin masa kini. Dalam dunia moden yang semakin kompleks dan dinamik, pemimpin bukan sahaja perlu memiliki kebijaksanaan intelektual, tetapi juga kebolehan berkomunikasi dengan berkesan, sama ada melalui logik yang kukuh, empati yang mendalam atau kredibiliti yang dibina melalui nilai-nilai moral yang tinggi. Komunikasi beretika yang berpaksikan pada kebenaran, keadilan dan kebijaksanaan adalah asas kepada kepimpinan yang berkesan. Melalui kajian ini, jelaslah bahawa prinsip-prinsip komunikasi

yang digunakan oleh Nabi Yusuf boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks kepimpinan masa kini dari skala kecil hingga ke peringkat tertinggi.

Untuk mengukuhkan sumbangan kepada bidang akademik, kajian ini mencadangkan agar kajian masa depan meneliti secara lebih mendalam aspek komunikasi kepimpinan tokoh-tokoh lain dalam sejarah Islam yang turut menonjolkan elemen antara komunikasi Nabi Yusuf dan tokoh-tokoh kontemporari boleh memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang aplikasi prinsip retorik ini dalam dunia moden.

Tambahan pula, hasil kajian ini juga menyumbang kepada pengembangan teori kepimpinan Islam yang menekankan pentingnya integriti moral, kebijaksanaan dan belas kasihan dalam memimpin. Prinsip-prinsip ini bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah dengan berkesan tetapi juga membantu membina hubungan yang kukuh serta mewujudkan kestabilan dalam organisasi. Penggunaan *ethos*, *pathos* dan *logos* yang seimbang, seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Yusuf, membuktikan bahawa kepimpinan yang berkesan memerlukan lebih daripada sekadar logik atau kuasa, ia juga menuntut pemahaman mendalam tentang emosi manusia dan prinsip moral yang tinggi. Oleh itu, prinsip-prinsip ini dapat dijadikan panduan praktikal dalam membentuk pemimpin berwawasan yang mampu menangani cabaran komunikasi dan kepimpinan yang semakin rumit pada hari ini.

BIODATA

Zulhazmi Majid ialah Pelajar Kedoktoran (Komunikasi) Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06050 Changlun, Kedah, Malaysia. Email: zulhazmimajidPHD2021@gmail.com

Azlina Kamaruddin ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06050 Changlun, Kedah, Malaysia. Email: lyna@uum.edu.my

Joyce Cheah Lynn-Sze ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06050 Changlun, Kedah, Malaysia. Email: joycecheah@uum.edu.my

RUJUKAN

- Abu, M., & Gazi, I. (2020). Islamic perspective of leadership in management; Foundation, traits, and principles. *International Journal of Management and Accounting*, 2(1), 1–9.
- Aisyah, M. (2022). Ethos, Pathos, Logos dan komunikasi publik: A systematic literature review. *Jurnal Darma Agung*, 30(3), 442-469.
- Anwar, M. A., Gani, A. M. O., & Rahman, M. S. (2020). Effects of spiritual intelligence from Islamic perspective on emotional intelligence. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 11(1), 216–232. <https://doi.org/10.1108/jiabr-10-2016-0123>
- Ariqoh, A. N., Ngarifin, N., & El-Syam, R. S. (2022). Nilai-nilai pendidikan karakter tentang bersikap sabar pada kisah Nabi Yusuf dalam Al-Qur'an (Kajian Q.S. Yusuf ayat 90). *Jurnal Pendidikan Indonesia*, 3(6), 584–590. <https://doi.org/pddw>
- Aristotle. (2007). *The art of rhetoric*. Penguin Classics.
- Arriane, L. (2023). Government political rhetoric and communication in the practice of government implementation. *Journal of Law, Politic and Humanities*, 3(3), 319–329.
- Azlina Kamaruddin. (2017). Analisis kualitatif terhadap faktor kegagalan komunikasi pembujukan dalam konteks pengucapan awam. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(3), 89–106. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2017-3303-06>
- Basmeih, S. A. (2013). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an. *Kuala Lumpur: Darul Fikir*.
- Bdoor, H. a. H., & Nuseirat, R. K. H. (2024). Principles of emotional stability among Muslim youth and its educational applications in the personality of Prophet Joseph (Yusuf), peace be upon Him. *International Journal of Religion*, 5(7), 15–29. <https://doi.org/10.61707/fcyrcr448>
- Burhan, Q., Khan, M. A., & Malik, M. F. (2023). Achieving transparency in business processes by developing and implementing ethical climate: An integrated model of ethical leadership and engagement. *Business Process Management Journal*, 29(3), 757–776. <https://doi.org/10.1108/bpmj-08-2022-0384>
- Cao, T. (2023). Neo-Aristotelian rhetorical analysis of Rishi Sunak's first speech as UK Prime Minister. *International Journal of Frontiers in Sociology*, 5(11).
- Deavours, D., & Roberts, C. (2024). The visual journalism credibility scale: Including Pathos for visual journalists in the convergent media era. *Journalism & Mass Communication Quarterly*. <https://doi.org/10.1177/10776990241233670>
- De Lange, L., & Mulder, D. (2022). Toward more effective leadership communication. *Communicare: Journal for Communication Studies in Africa*, 36(1), 27-46.
- Fairhurst, G. T. (2011). *The power of framing: Creating the language of leadership*. Jossey-Bass.
- Farah H. A. R., Midiyana M., & Saliza I. (2022). Wacana kepemimpinan Perdana Menteri Malaysia ke-9: Analisis kaedah retorik. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 6(4), 38–56. <https://doi.org/10.24191/ijmal.v6i4.18446>
- Hackman, M. Z., & Johnson, C. E. (2013). *Leadership: A communication perspective* (6th ed.). Waveland Press.
- Hargie, O. (2021). *Skilled interpersonal communication: Research, theory and practice*. Routledge.

- Hill, J. H. O. (2020). Logos, ethos, pathos and the marketing of higher education. *Journal of Marketing for Higher Education*, 30(2), 104-87
- Men, L. R. (2014). *Internal communication and organizational effectiveness: A study of Chinese corporations*. Palgrave Macmillan.
- Men, L. R., & Stacks, D. W. (2013). The impact of leadership style and employee empowerment on perceived organizational reputation. *Journal of Communication Management*, 17(2), 171-192.
- Mohd Hidayat, M., Muhammad Hilmi, J., Ahmad Munawar, I., & Nasif Sidquee, P. (2022). Pembangunan belia Malaysia dan Sustainable Development Goals (SDG): Satu analisis kritis dari perspektif Islam dan kepimpinan. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 1, 21-29.
- Muhammad Adnan Pitchan, & Nor Hajar Ummiah Osman. (2024). Pengaplikasian teori retorik moden dalam penyampaian ceramah keselamatan siber Polis Diraja Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 40(3), 229–246. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2024-4003-13>
- Muhammad Zafran Anas Ahmad Nor Khushairi, Hasrul Hashim, & Nurul Akqmie Badrul Hisham. (2022). Analisis estetika penerbitan kandungan kreatif video media sosial: Kajian terhadap Instagram Khairulaming. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 268–285. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3804-15>
- Muslimin. (2020). Strategi Nabi Yusuf AS menghadapi krisis ekonomi mesir dalam tujuh tahun. *Dinar: Jurnal Prodi Ekonomi Syariah*, 4(1), 69-90.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman, & Norfazila Ab. Hamid. (2017). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap unsur kesopanan dalam sosiolinguistik Melayu. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 4(2), 135–149.
- Nazra Aliff Nazri, & Abdul Latiff Ahmad. (2022). Analisis kandungan terhadap drama adaptasi Korea di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 286–302. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2022-3804-16>
- Ndalamba, K. K., Ndalamba, N. J., & Caldwell, C. (2022). Leadership Ethos: Addressing leadership dilemma in the 21st century business environment. *Public Integrity*, 25(2), 150–161. <https://doi.org/10.1080/10999922.2022.2026663>
- Nordiana Hamzah, Noor Alhusna Madzlan, Hasrina Baharum, Muhamad Fadzllah Zaini, & Rohaya Md. Ali. (2023). Analisis Ethos, Pathos dan Logos dalam Komunikasi kepimpinan nama Beta Sultan Alauddin karya Faisal Tehrani. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 473–489. <https://doi.org/pdd2>
- Northouse, P. G. (2021). *Leadership: Theory and practice*. SAGE Publications.
- Nurul, N. Z., & Zulkefli, A. (2021). Retorik dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 149–158.
- Prantl, V. I., Moeller, T., & Koesten, L. M. (2023). *Untangling rhetoric, pathos, and aesthetics in data visualization*. Cornell University. <https://doi.org/10.48550/arXiv.2304.10540>
- Pulungan, R. P., Zulheddi, Z., & Farabi, M. A. (2022). Leadership character employed in Islamic education perspective based on al-Qur'an surah Yusuf. *Jurnal Basicedu*, 6(2), 2180–2189. <https://doi.org/10.31004/basicedu.v6i2.2338>
- Rojali, N. (2023). Prinsip komunikasi dalam Al-Qur'an surat Yusuf ayat 1-20. *Bashirah: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 3(2), 60–77. <https://doi.org/pdd3>

- Saha, S., Das, R., Lim, W. M., Kumar, S., Malik, A., & Chillakuri, B. (2023). Emotional intelligence and leadership: Insights for leading by feeling in the future of work. *International Journal of Manpower*, 44(4), 671–701. <https://doi.org/10.1108/ijm-12-2021-0690>
- Samah, N. S., & Don, A. G. (2020). Faktor regresif dan defensif integriti dalam kepimpinan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 141–151. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/136>
- Samri, D. H. (2022). Pendekatan terhadap penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias melalui pengaplikasian retorik moden. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49–76. <https://doi.org/pdd4>
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahila Omar, Azlizan Mat Enh, & Russli Kamaruddin. (2020). Pendekatan komunikasi kepemimpinan dalam strategi berdakwah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) 1972-2004. *e-Bangi*, 17(5). <http://journalarticle.ukm.my/15174/>
- Tourish, D. (2014). Leadership, communication and organizational dysfunction: Understanding the problems and seeking solutions. *Leadership & Organization Development Journal*, 35(7), 631-648.
- Yukl, G., & Gardner, W. L. (2020). *Leadership in organizations* (9th ed.). Pearson Education.
- Zaim, H., Erzurum, E., Zaim, S., Uluyol, B., & Seçgin, G. (2022). The influence of Islamic leadership on work performance in service industry: An empirical analysis. *International Journal of Ethics and Systems*, 40(1), 127–152. <https://doi.org/gtvn84>
- Zamri, N. N., & Aini, Z. (2021). Retorik dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 149-158. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/63>